



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 13 SEPTEMBER 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	PEMBORONG GUNA KAMPIT BERAS TEMPATAN, NEGARA, KOSMO -7 BEKALAN BERAS PULIH DALAM SEBULAN, NEWS, SELANGOR KINI, -18 SABAH TO HAVE MORE PADDY FIELD, NEWS, GUANG MING DAILY -A8 MOHAMAD SABU TEMUI JEFFREY BINCANG PENANAMAN PADI SKALA BESAR, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -1 & 2 PENANAMAN PADI SKALA BESAR DI SABAH: MOHAMAD SABU AKAN JUMPA DR JEFFREY, SABAH GAZETTE -ONLINE MAT SABU TO MEET SABAH AGRICULTURE MINISTER TO DISCUSS LARGE-SCALE PADI CULTIVATION, NATION, CHINA PRESS -A3 5,000 JUALAN MURAH BARANGAN TERPILIH, NEWS, SELANGOR KINI -18 MOHAMAD SABU BINCANG PENANAMAN PADI SKALA BESAR DI SABAH HARI INI, NASIONAL, SH -11 KAWASAN TANAMAN PADI SABAH DIPERLUAS, NASIONAL, BH 5 PEMBORONG JANGAN GUNA KAMPIT BPT BUNGKUS BERAS IMPORT, DALAM NEGERI, UM -30	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
11.	NEGERI SEMBILAN PERLU KILANG BERAS, DALAM NEGERI, UM -30	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
12.	180,000 EKOR BENIH UDANG KARANG DIRAMPAS, NEGERI JOHOR, SH -25	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13. 14. 15. 16. 17.	TAPAK RUMAH JADI PROJEK TERNAK UDANG, NASIONAL, BH -21 TERNAK UDANG DI TANAH TERBIAR, NEGARA, KOSMO -15 DAH TUNGGU 25 TAHUN, LOKAL, HM -4 BANTU KURANGKAN BEBAN KEWANGAN LKIM, LOKAL, HM -4 LKIM TOLONG BERI PENJELASAN, DALAM NEGERI, UM -29	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
18.	SISTEM PENGAIIRAN DI KAWASAN MADA PERLU DINAIK TARAF, NASIONAL, BH -5	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
19.	MALAYSIA'S FRESH WHOLE JACKFRUIT GAINS CHINA MARKET ACCESS, NASIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
20.	TANAMAN FERTIGASI BANTU JANA EKONOMI ASNAF, NASIONAL, BH -15	AGROBANK
21. 22. 23. 24. 25.	TANGANI ISU KENAIKAN HARGA BARANGAN ASAS, DALAM NEGERI, UM -29 JADIKAN BAJA, RACUN SAWAH PADI BARANG KAWALAN, DALAM NEGERI, UM -30 PENDUDUK, PENIAGA SUKAR PEROLEH BEKALAN TELUR DI PASARAN KELANTAN, DALAM NEGERI, UM -32 CAMPURAN NAJIS ARNAB SUBURKAN TANAMAN, GAYA TANI, UM -26 TIME TO FIX LOPSIDED RICE INDUSTRY, NEWS, NST -15	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Pemborong guna kampit beras tempatan

ALOR SETAR – Seorang pemborong beras diberi amaran oleh pihak Kawal Selia Padi dan Beras Kedah kerana menggunakan kampit beras putih tempatan (BPT) untuk membungkus beras putih import (BPI) di negeri itu.

Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras Kedah, Mohamad Nornizam Ramly berkata, pihaknya melakukan pemeriksaan terhadap premis tersebut di Pekan Terói, Guar Chempedak kelmarin setelah menerima aduan berhubung perkara itu.

Katanya, tindakan itu bagi memastikan pengguna tidak keliru atau ragu dengan penjualan beras tersebut kerana pemborong berkenaan turut meletakkan pelekat berwarna biru yang menjadi 'identiti' bagi beras import untuk menutup tulisan 'beras tempatan' pada kampit berkenaan.

"Hasil semakan dokumen invoice belian, jualan dan pemerik-

saan fizikal, pemborong itu didapati hanya membuat pembungkusan dan penjualan beras import. Dia bagaimanapun memberi alasan bahawa tindakannya membungkus BPI dengan kampit BPT adalah untuk menghabiskan stok kampit sedia ada.

"Sehubungan itu, dia diberi amaran untuk tidak lagi menggunakan kampit BPT bagi membungkus BPI kerana tindakan sedemikian akan menimbulkan kekeliruan serta keraguan kepada pengguna," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Tindakan pemborong tersebut menyebabkan ada individu membuat video untuk menunjukkan penggunaan pelekat bagi menutup perkataan 'beras tempatan' pada kampit itu.

Perkara itu dikhuatiri menimbulkan pelbagai spekulasi dalam kalangan pengguna ketika bekalan beras tempatan dikatakan berkurangan di pasaran ketika ini.



KAMPIT beras tempatan yang digunakan untuk membungkus beras import di sebuah premis pemborong di Guar Chempedak semalam.

Headline	Bekalan beras pulih dalam sebulan		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	13 Sep 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	18	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	192 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,883
Frequency	Weekly	PR Value	RM 5,649



Bertambah di pasaran

Bekalan beras pulih dalam sebulan

SHAH ALAM - Pengeluaran beras putih tempatan di seluruh negara dijangka pulih dalam tempoh sebulan menerusi program khas Beras Putih Tempatan (BPT).

Menteri pertanian dan keterjaminan makanan berkata pihaknya mengambil beberapa langkah termasuk meminta pengilang meningkatkan 20 peratus bekalan di pasaran bagi penyelesaian jangka pendek.

Datuk Seri Mohamad Sabu berkata sesi libat urus dibuat dengan peme-

gang taruh dalam industri padi dan beras bagi membincangkan kaedah memulihkan pengeluaran, lapor Bernama.

"Menerusi sesi itu, kementerian akan menerangkan kaedah dan mekanisme berkaitan bekalan beras tempatan negara, meliputi penyelesaian jangka sederhana dan panjang," katanya.

Beliau mengulas strategi untuk memulihkan pengeluaran beras putih tempatan selepas meninjau bekalan

berkekaan di Giant Tampoi, Johor Bahru pada 5 September.

Mohamad Sabu berkata inisiatif Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) Mini Sekinchan dijangka memulihkan pengeluaran berikutan projek itu menghasilkan 11 metrik tan padi setiap sehektar.

Beliau juga menjelaskan usaha berkenaan dapat memulihkan pengeluaran beras berikutan permintaannya meningkat susulan peningkatan harga beras import.

Headline	Sabah to have more paddy field		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	13 Sep 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A8	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	555 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,409
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,227



農長：解決印度減少出口白米到馬沙巴或開發更多稻田

■莫哈末沙布：繼貓山王榴槿後，大馬正全力廣銷菠蘿蜜進入中國市場。（馬新社圖）

（吉隆坡12日訊）農業及糧食安全部長莫哈末沙布說，為了解決印度減少白米出口至大馬的問題，他明天將與沙巴農業部長商討在沙巴開發更多稻米耕種地段事宜。

他說，為了解決國內白米供應量的課題，當他一執掌農糧部就採用多項長期和短期的解決方案，包括計劃在沙巴大規模耕種稻米。

“如果要吸引私人界參與耕種稻米，就需開展大規模的耕種活動，例如100英畝地，假如耕種規模太小，他們不太有興趣。”

他今日在2023年馬來西亞國際清真展覽（MIHAS）會廳內為農糧部展館主持推介後在記者會表示，在解決白米供應的課題上，所有州政府都應與聯邦政府配合，以確保國家糧食獲得保障。

促州政府配合解決供米課題

談及日前發布限制每人購買本地白米一次限額為100公斤的指令，莫哈末沙布說，這項指令只針對個人，如果餐館業者有意採購超過100公斤，可與該部官員商量。

另外，他表示，對於前朝農業部長沒採取密集式方法，解決白米供應的問題而感到好奇。他認為，如果前朝能引用正確的方法，我國白米供應肯定充足。

“我上任後就實施了中短期方案加以改



善，尤其是把雪州適耕莊兩年五季稻米種植計劃，引薦到北馬落實，例如吉打慕達農業發展局（MADA）啟動了30億令吉投資額推動兩年五季種稻計劃。”（BPK）

進口750億出口400億 食品進出口失衡

莫哈末沙布披露，進口至大馬食品總額高達750億令吉，反觀我國食品出口額只有400億令吉，呈現失衡的現象。

因此，他已指示該部旗下多個機構，如聯邦農業銷售局（FAMA）、農業與發展研究院（MARDI）等，與大馬對外貿易發展機構配合，更積極地促銷和出口大馬食品至國際市場。

他坦言，大馬的黃梨和菠蘿蜜在國外獲得極佳的歡迎，因此，當局已改善黃梨種植法，將原本需要14個月成熟收成的黃梨，提升籽籽質量，使黃梨收成期少於1年，以加快出口至中國、歐洲和沙地阿拉伯的步伐。

他補充，目前黃梨一年出口額為10億令吉。（BPK）

農業及糧食安全部長莫哈末沙布指出，繼貓山王榴槿後，大馬正全力廣銷菠蘿蜜進入中國市場。

他說，大馬的新鮮菠蘿蜜剛成功獲准進入中國市場，這標誌著我國農業產業出口掀開嶄新的篇章。

在這之前，中方只允許冷凍干菠蘿蜜進入中國。

莫哈末沙布今日在2023年馬來西亞國際清真展覽（MIHAS）會廳內為農糧部展館主持推介後在記者會指出，農糧部正在考慮提高菠蘿蜜和黃梨的產量，以滿足全球對大馬水果的需求。

隨著今年4月馬、中簽署的協議允許新鮮菠蘿蜜進入中國的市場，農糧部業務開發與投資助理秘書卡立依布

繼貓山王後 菠蘿蜜全力廣銷中市場

拉欣表示，這將有助於推動大馬的水果尤其是菠蘿蜜，對中國市場的出口額一年內達到約3000萬令吉。

他說，首相拿督斯里安華本星期將赴中國廣西南寧，為東盟博覽會大馬館主持推介，以在中國市場全面推廣大馬的菠蘿蜜。

他表示，中國海關總署（GACC）已批准另外7個菠蘿蜜加工設施，以確保大馬菠蘿蜜符合中國市場的規範。

“農糧部未來5年目標是將其出口額推高20%。

“例如貓山王榴槿至中國

的出口額目前為10億令吉，未來5年則計劃提高20%至12億令吉。”

他指出，大馬菠蘿蜜和貓山王的銷售除了在中國市場獲得熱烈反應，菠蘿蜜目前也出口至中東等其他逾10個國家。

據悉，2021年，大馬菠蘿蜜出口總額為1850萬令吉，新加坡是最大的進口國。

他說，2023年MIHAS農糧部展館展銷了約26名農業企業家的產品，並希望能在本屆取得5000萬令吉商業配對總額。（BPK）

Headline	Mohamad Sabu temui Jeffrey bincang penanaman padi skala besar Import makanan sekitar		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	13 Sep 2023	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	1,2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	245 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 521
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,562



Mohamad Sabu temui Jeffrey bincang penanaman padi skala besar

KUALA LUMPUR: Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu akan mengadakan pertemuan dengan Timbalan Ketua Menteri 1 dan Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan, esok bagi membincangkan penanaman padi berskala besar di negeri itu.

Mohamad berkata ini merupakan antara usaha kementerian dalam menangani isu keterjaminan makanan berkaitan beras selain akan berbincang mengenai kerjasama dengan pihak

swasta untuk menjayakan perkara itu.

"Kita akan buka ladang-ladang padi kita di Sabah tak lama lagi dan esok (hari ini) saya akan jumpa Menteri Pertanian Sabah untuk bincang bagaimana nak menanam padi secara berskala besar di sana.

"Usaha ini kalau kita buat dengan teknologi dan cara yang betul insya-Allah kita boleh capai.

"Kita akan cari jalan yang terbaik bagaimana nak hadapi masalah (bekalan beras) ini dalam jangka masa panjang, dalam jangka masa terdekat,"

katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pavillion Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) di Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2023 di sini pada Selasa.

Beliau berkata dalam menangani isu keterjaminan makanan, kerjasama semua pihak termasuk kerajaan negeri diperlukan memandangkan bidang kuasa tanah terletak pada mereka.

Mengulas mengenai segelintir pihak yang menyalahgunakan tanah pertanian bagi tanaman padi kepada

tanaman lain, Mohamad mengakui perkara itu berlaku mungkin disebabkan masalah pengairan di kawasan terlibat dan kementerian akan mengambil perhatian khas mengenai perkara terbabit.

Sementara itu, Mohamad berkata beliau telah mengarahkan agensi-agensi di bawah KPKM untuk memperkenalkan barangan keluaran Malaysia di luar negara terutamanya makanan susulan nilai eksport ke luar negara yang tidak seimbang.

Lihat muka 2

Headline	Mohamad Sabu temui Jeffrey bincang penanaman padi skala besar Import makanan sekitar		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	13 Sep 2023	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	1,2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	245 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 521
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,562

Import makanan sekitar RM75b

Dari muka depan

"Import barang-barang makanan ke Malaysia dalam lingkungan RM75 billion, kita eksport di sekitar RM40 billion masih lagi tidak seimbang. Ucapan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) sebentar tadi menekankan soal memperkenalkan barangan buatan Malaysia khasnya dalam pemakanan.

"Kita juga ada pegawai di Rom (Itali), Amerika Syarikat, cuma kita harap mereka lebih aktif lagi dan badan-badan di bawah KPKM kita harap dapat bekerjasama dengan lebih hebat terutama dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) yang paling utama," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/9/2023	SABAH GAZETTE	ONLINE	

Penanaman padi skala besar di Sabah: Mohamad Sabu akan jumpa Dr Jeffrey



KUALA LUMPUR: Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu akan mengadakan pertemuan dengan Timbalan Ketua Menteri 1 dan Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan, hari ini bagi membincangkan penanaman padi berskala besar di negeri itu.

Mohamad berkata ini merupakan antara usaha kementerian dalam menangani isu keterjaminan makanan berkaitan beras selain akan berbincang mengenai kerjasama dengan pihak swasta untuk menjayakan perkara itu.

“Kita akan buka ladang-ladang padi kita di Sabah tak lama lagi dan esok saya akan jumpa Menteri Pertanian Sabah untuk bincang bagaimana nak menanam padi secara berskala besar di sana.

“Usaha ini kalau kita buat dengan teknologi dan cara yang betul insya-Allah kita boleh capai.

“Kita akan cari jalan yang terbaik bagaimana nak hadapi masalah (bekalan beras) ini dalam jangka masa panjang, dalam jangka masa terdekat,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pavillion Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) di Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (Mihlas) 2023 di sini pada Selasa.

Beliau berkata dalam menangani isu keterjaminan makanan, kerjasama semua pihak termasuk kerajaan negeri diperlukan memandangkan bidang kuasa tanah terletak pada mereka.

Mengulas mengenai segelintir pihak yang menyalahgunakan tanah pertanian bagi tanaman padi kepada tanaman lain, Mohamad mengakui perkara itu berlaku mungkin disebabkan masalah pengairan di kawasan terlibat dan kementerian akan mengambil perhatian khas mengenai perkara terbabit.

Sementara itu, Mohamad berkata beliau telah mengarahkan agensi-agensi di bawah KPKM untuk memperkenalkan barangan keluaran Malaysia di luar negara terutamanya makanan susulan nilai eksport ke luar negara yang tidak seimbang.

“Import barang-barang makanan ke Malaysia dalam lingkungan RM75 bilion, kita eksport di sekitar RM40 bilion masih lagi tidak seimbang. Ucapan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) menekankan soal memperkenalkan barangan buatan Malaysia khususnya dalam pemakanan.

“Kita juga ada pegawai di Rom (Itali), Amerika Syarikat, cuma kita harap mereka lebih aktif lagi dan badan-badan di bawah KPKM kita harap dapat bekerjasama dengan lebih hebat terutama dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) yang paling utama,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Mohamad berkata pihaknya tidak pernah mengeluarkan apa-apa arahan untuk tidak melibatkan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu Dr Azman Ibrahim dalam program anjuran jabatan dan agensi di bawah KPKM di negeri itu.

“Tiada arahan apa-apa, kerja mereka ni memang suka berbohong,” katanya.

Azman, menerusi hantaran di Facebook semalam mendakwa beliau menerima isyarat daripada beberapa ketua jabatan dan agensi di bawah KPKM yang berada di negeri itu bahawa ada arahan tidak bertulis daripada kementerian untuk tidak lagi melibatkannya dalam program jabatan mereka. – BERNAMA

Headline	Mat Sabu to meet Sabah agriculture minister to discuss large-scale padi cultivation		
MediaTitle	China Press		
Date	13 Sep 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A3	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	214 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,221
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,664



■莫哈末沙布（前左）为MIHAS展主持开幕。

（吉隆坡12日讯）农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布将与沙巴副首长兼农业、渔业及食品工业部长拿督斯里杰菲里吉丁岸会面，讨论在沙巴州进行大规模稻米种植。

莫哈末沙布说，这是该部解决与大米相关的粮食安全问题。

“我们很快就会在沙巴开辟稻田，明天我将与沙巴农业部长会面，讨论如何在沙巴大规模种植稻田。通过正确的方法和技术，我们将能够实现这一

末沙布會沙副首長 商沙巴大規模種稻

目标。”

莫哈末沙布今天在2023年第19届大马国际清真展（MIHAS）上，为农业部展馆主持开幕后，这么指出。

他说，解决粮食安全问题需要各方的合作，包括拥有土地管辖权的州政府。

针对滥用用于种植稻田的农业用地，来种植其他农作物时，部长指出，这可能与该土地的灌溉问题有关，并指该部将调查此事。

他说，大马进口食品价值约为750亿令吉，但出口额约为400亿令吉，仍然不平衡。

Headline	5,000 jualan murah barangan terpilih		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	13 Sep 2023	Color	Black/white
Section	News	Circulation	250,000
Page No	18	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	93 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 916
Frequency	Weekly	PR Value	RM 2,747



5,000 jualan murah barangan terpilih

SHAH ALAM - Jualan Agro Madani yang memberi penjimatan antara 10 hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran bagi barangan terpilih giat dijalankan di seluruh negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu menjelaskan kerajaan menyasar 5,000

sesi jualan itu membabitkan nilai RM39 juta dibuat pada tahun ini.

Beliau menambah sebanyak 1,559 program sedemikian diadakan setakat 27 Ogos membabitkan jualan RM32.7 juta dengan penjimatan RM9.81 juta, lapor Bernama.

"Seramai 25,073 usahawan menyer-

tai program jualan ini membabitkan 779,000 pengunjung," katanya dalam kenyataan pada 3 September.

Program berkenaan antara usaha berterusan kerajaan bagi membantu meringankan beban rakyat di samping membantu meningkatkan pendapatan usahawan tani.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/9/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Mohamad Sabu bincang penanaman padi skala besar di Sabah hari ini

KUALA LUMPUR - Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu akan mengadakan pertemuan dengan Timbalan Ketua Menteri 1 dan Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah, Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan hari ini bagi membincangkan penanaman padi berskala besar di negeri itu.

Mohamad berkata, ini merupakan antara usaha Kementerian dalam menangani isu keterjaminan makanan berkaitan beras selain akan berbincang mengenai kerjasama dengan pihak swasta untuk menjayakan perkara itu.

"Kita akan buka ladang-ladang padi kita di Sabah tak lama lagi dan esok (hari ini) saya akan jumpa Menteri Pertanian Sabah

untuk bincang bagaimana nak menanam padi secara berskala besar di sana. Usaha ini kalau kita buat dengan teknologi dan cara yang betul insya-ALLAH kita boleh capai.

"Kita akan cari jalan terbaik bagaimana nak hadapi masalah (bekalan beras) ini dalam jangka masa panjang, dalam jangka masa terdekat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/9/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	5

Sistem pengairan di kawasan MADA perlu dinaik taraf

Alor Setar: Keadaan infrastruktur terutama sistem pengairan di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berada dalam keadaan uzur dan memerlukan perhatian khusus, sekiranya sasaran tanaman padi lima kali dalam dua tahun mahu dilaksanakan.

EXCO Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, infrastruktur terutama sistem pengairan kawasan MADA berada dalam keadaan uzur dan memerlukan perhatian khusus sekiranya sasaran tanaman padi lima kali dalam dua tahun mahu dilaksanakan.

Beliau berkata, pihaknya menyambut baik kesediaan kerajaan Pusat melabur sehingga RM3 bilion di kawasan tanaman padi itu bagi meningkatkan pengeluaran makanan negara.

"PeSAWAH menyambut baik peruntukan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di Dewan Rakyat kelmarin.

"Jumlah RM3 bilion yang dibentangkan Perdana Menteri adalah besar dan sudah pasti membolehkan proses di keseluruhan kawasan MADA, termasuk pengurusan dan penyelenggaraan sawah yang sangat penting.

"Kawasan MADA seluas kira-kira 100,000 hektar berkait rapat dengan pengairan, sudah pasti perkara terpenting adalah menaik taraf serta penyelenggaraan infrastruktur saliran terbahit perlu menjadi keutamaan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Abdul Rashid berkata, ketika ini peruntukan bagi menyelenggara sistem saliran sawah hanya RM40 juta setahun yang disalurkan melalui agensi berkaitan di seluruh negara.

Jelasnya, jumlah itu adalah rendah kerana seluruh kawasan tanaman sawah memerlukan peruntukan kira-kira RM230 juta setahun bagi memastikan setiap sistem saliran berfungsi baik, sekali gus dapat meningkatkan pengeluaran padi negara.

"PeSAWAH mengambil serius masalah ini kerana sistem pengairan sekarang terutama di kawasan MADA berada dalam keadaan uzur.

"Perkara ini menimbulkan masalah kepada sebahagian petani kerana sawah mereka sering berlaku 'banjir' akibat sistem saliran," katanya.

Kawasan tanaman padi Sabah diperluas

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan memperluas kawasan tanaman padi di Sabah dalam usaha mengatasi kekurangan bekalan makanan rui rakyat Malaysia itu.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu dijadual berbincang dengan Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah, Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan bagi tujuan itu, hari ini.

Menerusi pertemuan itu, Mohamad dijangka mengemukakan cadangan penanaman padi berskala besar di Sabah, menggunakan kaedah dan teknologi yang diperkenalkan agensi Persekutuan, selari hasrat mengatasi isu kekurangan beras di pasaran.

"Usaha ini (membuka ladang padi berskala besar di Sabah) kalau kita buat dengan kaedah dan teknologi yang betul. Insya-Allah, kita boleh capai. Cuma, saya hairan kenapa usaha mencukupkan (bekalan) beras di negara ini dibiarkan begitu lama.

"Kini, apabila India mahu kurangkan eksport (beras) mereka, kita menghadapi masalah. Namun, kita akan cari kaedah mengatasinya.

"Pada masa terdekat, kita akan



Mohamad (dua dari kanan) menyempurnakan perasmian Pavillion KPKM @ MIHAS 2023 di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

cuba pelbagai kaedah dan semua pihak perlu bekerjasama, termasuk kerajaan negeri yang memiliki kuasa mengenai tanah.

"Sekuriti makanan bukan soal politik. Sebaliknya, isu kemanusiaan dan saya bersedia menghadapi situasi ini dengan pasukan saya yang gigih bekerja mengatasi isu ini," katanya di sini, semalam.

Terdahulu, pada 2 September

lalu, pengilang padi dan pemborong beras negara dilaporkan diminta untuk meningkatkan bekalan beras putih tempatan sebanyak 20 peratus menerusi program khas sebagai langkah intervensi memulihkan bekalan itu di pasaran.

Kementerian memaklumkan, hasrat itu sudah dipersetujui pengilang padi dan pemborong beras dalam satu sesi libat urus

pada 27 Ogos lalu, di Alor Setar. Kedah untuk memberikan kuota tambahan itu kepada kerajaan menerusi Padiberas Nasional Bhd (BERNAS).

Mohamad turut optimis menamatkan isu itu menerusi pelbagai inisiatif dirangka bagi jangka pendek dan panjang, termasuk perluas penggunaan teknologi tanaman padi di Sekinchan, Selangor ke kawasan lain.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/9/2023	SINAR HARIAN	NEGERI JOHOR	25

180,000 ekor benih udang karang dirampas

JOHOR BAHRU. - Polis Johor merampas sebanyak 180,000 ekor benih udang karang tanpa permit, hasil pemeriksaan yang dilakukan ke atas bot fiber di Jeti Awam Legaran Air Gemuruh, Sedili, Kota Tinggi pada Isnin.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, sepasukan anggota dari Unit Risk Marin Markas Taktikal Pengerang menerima maklumat berkaitan sebuah bot fiber yang mencurigakan di jeti berkenaan kira-kira jam 5.30 petang.

Ujarnya, benih udang karang itu dibungkus dengan plastik dan dimuatkan di dalam 50 kotak gabus berwarna putih.

Pemeriksaan mendapati bot tersebut membawa kotak mengandungi benih udang karang dari negara jiran yang tidak mempunyai permit sah.

"Polis turut menahan lima lelaki warga tempatan berumur lingkungan 21 hingga 43 tahun," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Menurut Kamarul Zaman, kesemua benih udang karang yang dirampas dianggarkan bernilai RM1.8 juta manakala nilai bot, dua unit enjin dan sebuah lori yang dirampas adalah RM245,000.

"Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan sebanyak RM2.04 juta. Kes disiasat mengikut Seksyen 40 Akta Perikanan 1953," katanya.

Bungkusan plastik mengandungi benih udang karang dari negara jiran yang tidak mempunyai permit sah.

Tapak rumah jadi projek ternak udang

Bukit Mertajam: Puluhan nelayan di Kampung Kuala Juru, di sini membantah aktiviti ternakan udang yang didakwa bakal dibangunkan di atas tanah yang sepatutnya dilaksanakan projek perumahan untuk mereka.

Mereka mendakwa Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sebelum ini berjanji membantu nelayan yang tiada kediaman memiliki rumah sejak 25 tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Penduduk Kampung Kuala Juru, Wahid Othman, berkata bagaimana pun sudah lebih dua dekad berlalu projek perumahan untuk penempatan nelayan serta penduduk yang dijanjikan itu masih belum dibina.

Dakwanya, penduduk dikejutkan dengan pencerobohan sebuah syarikat yang tidak diketahui membersihkan kawasan di tanah hampir 11 hektar itu bagi projek ternakan udang.

"Saya dimaklumkan (ada syarikat nak masuk) untuk buat kajian (ingat projek perumahan), tetapi datang jenolak memberikan kawasan itu bulan lalu kerana mahu membangunkan kolam ternakan udang.

"Kami buat bantahan dengan melaporkan segera kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) mandangkan ia tidak mengikut peraturan.

"Kami harap projek peruma-

han dilaksanakan kerana mahu memiliki kediaman sendiri, terutama anak muda yang berkahwin tidak mahu lagi menumpang di rumah ibu bapa mereka untuk kehidupan lebih selesa," katanya yang mewakili suara lebih 50 nelayan di sini, semalam.

Wahid berkata, mengikut Minit Mesyuarat Jawatankuasa Projek Penempatan Perumahan Nelayan Juru bertarikh 15 Oktober 1998, sebanyak RM500,000 dibiayai LKIM untuk infrastruktur awal seperti kajian tapak untuk pelaksanaan projek perumahan itu.

"Bagaimanapun sehingga hari ini (projek rumah) masih belum dibina dan apabila dibangkitkan cadangan dalam setiap minit me-

syuarat kepada LKIM, mereka maklumkan tanah itu tidak sesuai (untuk projek perumahan) kerana mendap dan lain-lain isu," katanya.

Sementara itu, Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil, berkata pihaknya akan membangunkan projek akuakultur di atas tapak yang dicadangkan untuk perumahan nelayan itu bagi mengurangkan bebanan kewangan ditanggung.

Tanah lama terbiar

Beliau berkata, tanah itu sudah terbiar lama berikutan projek perumahan belum mendapat kelulusan, menyebabkan LKIM terpaksa menanggung bebanan kewangan yang memerlukan agen-



Penduduk dan nelayan membantah projek ternakan udang di Kampung Kuala Juru di Bukit Mertajam.

(Foto Danial Saad/BH)

si melakukan sesuatu.

"Jadi, kita mengambil langkah memajukan tanah itu bagi mencapai agenda keterjaminan makanan dengan menambah bekalan akuakultur," katanya ketika dihubungi, semalam.

Muhammad Faiz berkata, projek itu masih pada peringkat kajian kebolehlaksanaan dan ia akan diteruskan sehingga projek perumahan dicadangkan sebelum itu mendapat kelulusan.

Katanya, sehingga kini LKIM belum melantik mana-mana pihak untuk mengendalikn projek berkenaan di tapak itu.

"Kerja pembersihan dilakukan bagi memudahkan kajian dilaksanakan dan ia tidak membabitkan pengorekan tanah," katanya.

Tanah akan dimajukan LKIM bagi membantu usaha keterjaminan makanan

Ternak udang di tanah terbiar

Oleh SITTINUR MAS ERAH AMRAN

SEBERANG PERAI – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan melaksanakan projek akuakultur di atas tanah yang sepututnya dijadikan penempatan perumahan nelayan di Kampung Kuala Juru.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, projek perumahan itu belum mendapat kelulusan menyebabkan tanah itu terbiar lama sehingga menjadi bebanan kewangan kepada LKIM.

"Oleh itu, kita usahakan tanah itu dan akan dimajukan bagi memastikan agenda keterjaminan makanan dapat dicapai menerusi penambahan bekalan akuakultur di pasaran," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Mengulas lanjut, Muhammad Faiz berkata, walau bagaimanapun berkata, LKIM belum melantik mana-mana pihak untuk mengendalikan projek berkenaan di tapak itu.

Katanya, kerja-kerja pemberian yang dilaksanakan baru-baru ini bertujuan untuk memudahkan kajian dilaksanakan



PENDUDUK Kampung Kuala Juru membuat bantahan kawasan perumahan dijadikan kolam ternakan udang di Seberang Perai kelmarin.

malah tidak melibatkan sebarang aktiviti pengorekan tanah.

"Saya tidak faham mengapa

projek ini menjadi isu sedangkan pihak kami telah pun berjumpa dengan unit nelayan di kawasan

terbabit dan menjelaskan isu perancangan LKIM untuk memanfaatkan tanah itu daripada

terus terbiar.

"Tambahan pula, projek akuakultur yang bakal dijalankan bakal menggunakan tangki sahaja dan tidak akan menjejaskan struktur tanah.

"Dakwaan yang mengatakan projek ini akan menjejaskan pendapatan nelayan juga tidak tepat, sebaliknya akan meningkatkan pendapatan mereka serta menambah bekalan akuakultur di pasaran.

"Sekiranya projek perumahan yang dicadangkan sebelum ini dihuluskan, kita akan tamatkan kontrak projek akuakultur terabit," katanya.

Kelmarin, lebih 50 penduduk Kampung Kuala Juru berhimpun secara aman bagi membantah projek kolam ternakan udang tersebut.

Projek itu didakwa bakal dibangunkan di atas tanah yang sepututnya dijadikan penempatan perumahan nelayan.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang turut menggesa LKIM supaya melaksanakan segera projek perumahan terbabit bagi elak adanya projek lain di situ.

TAPAK PROJEK RUMAH NELAYAN JADI KOLAM TERNAK UDANG

Dah tunggu 25 tahun

Oleh Nur Izzati Mohamad
an@metro.com.my
Bukit Mertajam

Othman berkata, bagaimana pun, lebih dua dekad berlalu, projek perumahan nelayan untuk penempatan nelayan serta penduduk yang dijanjikan itu masih belum dibina.

Pada tahun 1977, penduduk di kawasan ini dibenarkan tinggal di atas tanah yang diberikan oleh kerajaan. Namun, sejak syarikat yang tidak diketahui yang masuk ke kawasan tanah berkebuan hampir 11 hektar sebelum membersihkan kawasan berkenaan bagi melaksanakan aktiviti ternakan udang.

"Pada mulanya, saya dimaklumkan (ada syarikat nak masuk) untuk buat kolam (ingat datang tentukan) tetapi datang menolak membersihkan kawasan itu bulat lagi kerana mahu membangunkan kolam ternakan udang.

"Ia menyebarkan nelayan amat kecewa dan terus membuat bantahan dengan segera melaporkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) memandangkan ia tidak mengikut peraturan.

"Apatah lagi, mereka (nelayan) amat berharap supaya projek perumahan itu dilaksanakan kerana sudah memiliki kediaman sendiri. Terutamanya anak-anak muda yang bekerja di bandar dan ingin pulang kampung, mereka dengan semangat tinggi ingin tinggal di kawasan ini.

Terdahulu, Wahid mewakili suara lebih 50 nelayan dan penduduk di kawasan yang tidak berpusat itu apabila tanah dengan projek penempatan nelayan ditukar kepada kolam ternakan udang yang tidak pernah dipersetujui sejak dahulu lagi.

Wahid berkata, mengikut Minit Mesyuarat Jawatankuasa Projek Penempatan Perumahan Nelayan Juru bertarikh 15 Oktober 1998, LKIM memperuntukkan RM500,000 sebagai peruntukan untuk melaksanakan projek perumahan itu.

"Bagaimanapun sehingga hari ini (projek rumah) masih belum dibina dan apabila dibangkitkan cadangan dalam setiap minit me-

syuarat kepada LKIM, mereka tidak sesuai untuk projek perumahan kerana mereka tidak dapat dan lain-lain isu, katanya.

Mengetirnya itu, Pegawai Luaran Pengurusan Projek, Puan Phang (CAP) berkata, LKIM terpaksa menunda projek kerana projek itu memerlukan tanah yang lebih banyak.

"Saya tidak faham mengapa projek ini menjadi isu sedemikian. Kami sudah berjumpa dengan unit nelayan di kawasan itu dan menjelaskan perancangan LKIM untuk memulakan projek perumahan dengan tanah itu daripada terus terbiar," katanya.

Projek perumahan ini akan dibina di atas tanah yang dijanjikan kepada nelayan dan penduduk di kawasan ini. Projek ini akan dibina di atas tanah yang dijanjikan kepada nelayan dan penduduk di kawasan ini.

Bantu kurangkan beban kewangan LKIM

Bukit Mertajam Lebuag Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan membangun projek akuakultur di atas tapak tanah yang dahulunya dicadangkan untuk pembinaan perumahan untuk nelayan di Kampung Kuala Juru di sini bagi mengurangkan beban kewangan ditanggung.

Jelasnya, sehingga kini, LKIM belum lagi mendatangi pihak-pihak yang berkaitan projek untuk mendapatkan projek berkenaan di tapak itu.

Kerjasama pembebasan yang dilakukan baru-lagi ini bertujuan memudahkan projek pembangunan di kawasan itu. LKIM terpaksa menanggung beban kewangan yang meriahkan agensi melakukan sesuatu.

"Oleh yang demikian, kita mengambil langkah menajikan tanah itu bagi mencapai agenda keselamatan makanan dengan menanam ikan di kawasan itu daripada terus terbiar," katanya.



WAHID (dua dari kiri) nelayan membantah pembinaan kawasan tapak projek perumahan nelayan di kawasan ini. - Gambar NSTP/ANALIS/ANALIS

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Bina penempatan penduduk atau projek ternakan udang?

LKIM tolong beri penjelasan

Oleh SITI NUR MAS
ERAH AMRAN
utusannews@mediamula.com.my

BUKIT MERTAJAM: Penduduk Kampung Kuala Juru di sini membantah cadangan projek kolam ternakan udang yang didakwa akan dibangunkan di atas tanah yang sepatutnya dijadikan penempatan rumah nelayan.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kampung Kuala Juru, Wahid Othman berkata, projek perumahan itu yang telah tertangguh sejak 25 tahun lalu turut menimbulkan persoalan sekali gus menggesa pihak berwajib memberi penjelasan.

Dakwanya, tanah seluas hampir 11 hektar itu adalah satu-satunya tapak yang dijanjikan kerajaan menerusi LKIM untuk dijadikan penempatan nelayan seperti yang termaktub dalam minit mesyuarat Jawatankuasa Projek Penempatan Perumahan Nelayan pada 15 Oktober 1998.

"Walau bagaimanapun, bulan lepas kita dapati ada dua jentera masuk ke kawasan terbabit dan menjalankan kerja pembersihan.

"Pada mulanya, saya dimaklumkan ada pihak yang mahu jalankan kajian di situ, namun tidak lama kemudian baru kami dapat tahu akan ada projek kolam ternakan udang.

"Jadi, kami amat mengharapkan kerajaan khususnya LKIM dapat mempertahankan tanah seperti yang dijanjikan untuk manfaat nelayan di sini," katanya.

Beliau berkata demikian keti-



WAHID Othman (tengah) dan Zulkifli Yusuf (dua, kanan) bersama sebahagian penduduk dan nelayan ketika mengadakan bantahan terhadap rancangan projek kolam udang di Kampung Kuala Juru, Bukit Mertajam, Pulau Pinang semalam. - UTUSAN/SITI NUR MAS ERAH AMRAN

ka ditemui pemberita di Dewan Orang Ramai Kampung Kuala Juru, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Wahid berkata, isu projek perumahan itu dibangkitkan setiap kali mesyuarat persatuan nelayan, namun sehingga kini masih belum ada jalan penyelesaian.

"Ada yang kata tempat itu tak sesuai untuk membina rumah,

tanah mendar dan sebagainya.

"Walau bagaimanapun, penduduk akan terus membantah sekiranya projek ternakan udang dijalankan di sini," katanya.

Sementara itu, Pegawai Luar Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Zulkifli Yusuf menggesa LKIM melaksanakan segera projek perumahan buat nelayan berkenaan.

"Kebanyakan nelayan di sini sudah berkeluarga dan mereka berhak mendapatkan keperluan asas seperti yang dijanjikan.

"Kita turut sama membantah sekiranya projek ternakan udang dijalankan di kawasan terbabit kerana ia akan mengancam alam sekitar dan kawasan ternakan kerang berhampiran," katanya.

Tangani isu kenaikan harga barangan asas

GEORGE TOWN: Pelan jangka panjang Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) tidak akan memberi kesan kepada sektor ekonomi tempatan sekiranya kerajaan masih gagal menangani isu kenaikan harga barangan keperluan asas seperti beras.

Presiden Komuniti India Muslim Malaysia (IM-Com), Mohamed Rizwan Abdul Ghafoor berkata, pelan pembangunan bernilai RM415 bilion yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam itu tidak dapat memberi impak besar kepada rakyat yang terbeban dengan kenaikan harga makanan seharian.

"Selain melabur dengan jumlah pelaburan yang tinggi, kerajaan perlu juga lihat di peringkat bawah iaitu soal kenaikan harga barangan.

"Peniaga dan pengguna kini tersepit serta terbeban dengan kenaikan harga barangan keperluan yang tidak terkawal pada masa ini," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia semalam.

Anwar semalam melancarkan pelan pembangunan bernilai RM415 bilion bagi merencanakan pertumbuhan aktiviti ekonomi ketika negara berdepan kelembapan permintaan global, kekurangan hutang lebih RM1 trilion dan cabaran ketidakstabilan politik berterusan. Semakan RMK12 itu menyaksikan peningkatan pelaburan dalam sektor strategik, pelaksanaan infrastruktur penting dan menangani isu struktur yang membelenggu negara berdekad lamanya. Menurut Mohamed Rizwan, kerajaan perlu mengambil langkah memastikan barangan keperluan pada harga munasabah.

Negeri Sembilan perlu kilang beras

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
dan **ZAKKINA WATI AHMAD**
TARMIZI
utusannews@mediamulia.com.my

SEREMBAN: Cadangan Negeri Sembilan mempunyai kilang pengeluaran beras sendiri dianggap langkah ke depan untuk meningkatkan hasil padi di negeri ini.

Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Hisyam Yacob berkata, mengambil kira keluasan tanaman padi di negeri ini dalam sekitar hanya 1,000 sehingga 1,200 hektar, memadai kilang-kilang memproses padi dan pengeluaran beras boleh diwujudkan dengan skala kecil.

"Memang bagus untuk kilang tersebut diwujudkan kerana sekarang ini isunya sekarang adalah daripada segi logistik kerana padi-padi di Negeri Sembilan dihantar ke kilang-kilang di Melaka dan Johor untuk diproses, tentunya ia lebih bagus.

"Bagaimanapun, keluasan untuk mewujudkan kilang padi itu bukan dibawah pihak



MOHD. Faizal Abdul Manap menunjukkan kawasan sawah padi di Terachi, Kuala Pilah. - **UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI.**

jabatan tetapi pihak Kawalselia Padi dan Beras. Kita lihat pula daripada segi keluasan tanaman padi di negeri ini adalah agak kurang memberangsangkan dan

agak kecil berbanding kawasan lain.

"Mengambil kira kawasan tanaman padi yang kita ada, kilang yang dibina itu boleh di-

bina dengan saiz yang kecil dan hanya menampung hasil padi dari Negeri Sembilan sahaja," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Exco Kanan kerajaan negeri yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup negeri, Datuk Seri Jalaluddin Alias bahawa Negeri Sembilan perlu mempunyai kilang pengeluaran beras sendiri sebagai salah satu rancangan jangka masa panjang menanganis isu kekurangan bekalan beras tempatan di pasaran.

Hisyam dalam pada itu menjelaskan, cadangan supaya diwujudkan kilang padi di negeri ini juga adalah berkaitan dengan hasrat supaya negeri ini dapat mengeluarkan sendiri hasil beras.

"Ya memang, apabila sudah ada kilang itu, potensinya adalah Negeri Sembilan mampu untuk mengeluarkan beras sendiri khususnya untuk rakyat di Negeri Sembilan," katanya yang turut memberitahu kawasan tanaman padi di Negeri Sembilan ketika ini adalah melibatkan kawasan Jelebu, Kuala Pilah, Jempol dan Gemas.

Pemborong jangan guna kampil BPT bungkus beras import

ALOR SETAR: Seorang pemborong beras diberi amaran oleh pihak Kawal Selia Padi dan Beras Kedah kerana menggunakan kampil beras putih tempatan (BPT) untuk membungkus beras putih import (BPI) di negeri ini.

Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras Kedah, Mohamad Nornizam Ramly berkata, pihaknya melakukan pemeriksaan di sebuah premis di Pekan Teroi, Guar Chempedak semalam setelah menerima aduan berhubung perkara itu.

Katanya, tindakan itu bagi memastikan pengguna tidak terkeliru atau ragu dengan penjualan beras tersebut kerana pemborong terbabit turut meletakkan pelekat berwarna biru yang menjadi 'identiti' beras import bagi menutup label 'beras tempatan'.

"Hasil semakan dokumen invoice belian, jualan dan pemeriksaan fizikal, pemborong itu didapati hanya membuat pembungkusan dan penjualan beras import.

"Dia memberi alasan tindakannya membungkus BPI dengan menggunakan kampil BPT adalah untuk menghabiskan



KAMPIT beras tempatan yang digunakan untuk membungkus beras import oleh seorang pemborong beras di Pekan Teroi, Guar Chempedak di Yan.

stok kampil sedia ada.

"Sehubungan itu, dia diberi amaran untuk tidak lagi guna kampil BPT bagi membungkus BPI kerana tindakan itu akan menimbulkan kekeliruan serta keraguan kepada pengguna," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Tindakan pemborong tersebut menyebabkan ada individu yang membuat video untuk menunjukkan penggunaan

pelekat bagi menutup perkataan 'beras tempatan' pada kampil berkenaan.

Perkara itu turut menimbulkan pelbagai spekulasi dalam kalangan pengguna ketika bekalan beras tempatan dikatakan berkurang di pasaran, ketika ini.

Mengulas lanjut, Mohamad Nornizam berkata, pemborong berkenaan mengambil maklum dan akur dengan amaran dikeluarkan terhadapnya.

Jadikan baja, racun sawah padi barang kawalan

SHAH ALAM: Baja dan racun perlu dijadikan sebagai barang kawalan bagi memastikan harga keperluan tersebut tidak membebaskan pesawah dan boleh meningkatkan hasil padi.

Kawalan terhadap barangan tersebut dipercayai dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh pesawah walaupun mereka menerima subsidi bagi keperluan tersebut antara RM200 hingga RM1,800 bagi setiap hektar sawah.

Bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Noh Omar berkata, kos barangan keperluan itu meningkat hampir dua kali ganda berbanding tahun-tahun sebelum ini apabila ia boleh didapati pada harga kurang RM100 satu beg.

"Dahulu saya tak dapat laksanakan kerana bidang kuasanya di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) yang memberikan alasan baja dan racun adalah barangan import dan tak boleh dikawal.

"Kalau dapat dikawal, saya yakin petani akan mampu mendapatkan baja dan racun mencukupi seperti diperlukan

dalam penghasilan padi, jika mereka mampu beli mungkin hasil padi akan dapat dinaikkan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.


Tambahnya, pesawah mengeluh apabila subsidi yang diberikan tidak mencukupi sebaliknya perlu menambah kewangan sendiri bagi memastikan padi dapat dihasilkan.

Dalam pada itu, beliau turut mengulas laporan Mingguan Malaysia pada Ahad lalu berkenaan kegagalan pelaksanaan projek tanaman padi lima musim dua tahun di negeri ini yang didakwa dilakukan ketika beliau memegang portfolio berkaitan pertanian.

Menurutnya, sebelum kerajaan mengumumkan pelaksanaan penanaman padi lima musim, dua tahun, kaedah tersebut sudah pun dilakukannya di empat blok 180 hektar sawah di Kampung Sawah Sempadan, Tanjong Karang.

"Kerajaan patut kaji dahulu dan merujuk kepada laporan daripada Kementerian pertanian (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan) berkenaan projek tersebut pada 2015 hingga 2016.

Headline	Malaysia`s fresh whole jackfruit gains China market access		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	13 Sep 2023	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	183 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,302
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,906



人员递上的菠萝蜜。
莫哈末沙布在农粮部的展摊品尝工作。



获准以鲜果登陆中国 大马力推菠萝蜜出口

(吉隆坡 12 日讯) 继猫山王榴槿后，大马菠萝蜜获准以“鲜果”方式登陆中国。

在这之前，中国仅允许冷冻干果菠萝蜜进口。

农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布说，大马新鲜菠萝蜜刚获准进军中国市场，为我国农业产业出口带来新气象。

他今日为 2023 年大马国际清真展 (MIHAS) 主持农粮部展览馆推介礼后，在新闻发布会上如此说。

“本部门正探讨提高菠萝蜜和黄梨的产量，以满足国际对于大马水果的需求。”

末沙布也说，大马进口

食品总额高达 750 亿令吉，反观我国食品出口额仅 400 亿令吉，出现失衡的现象。

“我已指示隶属部门多个机构，如联邦农业销售局 (FAMA)、农业与发展研究院 (MARDI) 等，与大马外贸促进局配合，促销大马食品出口到国际市场。”

他说，大马的黄梨和菠萝蜜在国外广受欢迎，目前黄梨的年均出口总值约 10 亿令吉。

他说，当局已改良黄梨种植法，将原本 14 个月收成期提升至少于 1 年，以便加速出口到中国、欧洲和沙地阿拉伯等国家。

Tanaman fertigasi bantu jana ekonomi asnaf

Baling: Agrobank menerusi Program Hijrah Asnaf Tanaman Fertigasi Meja yakin 10 peserta program berkenaan mampu menjana pendapatan antara RM5,000 hingga RM10,000 sebulan selepas ia dijalankan secara sepenuh masa selepas ini.

Ketua Pegawai Pembangunan Agrobank, Aminuddin Ameenon, berkata program dengan kerjasama strategik Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan Sulaiman Plantation Sdn Bhd (SPSB) itu sekali gus akan dapat mengeluarkan peserta terbabit daripada garis kemiskinan.

Katanya, program ini adalah kesinambungan terhadap program pembangunan asnaf yang sudah masuk tahun kelima pengagihan zakat dilakukan bagi program berkenaan.

"Ini adalah sebagai pendekatan terus dalam membantu pembabit usahawan komuniti asnaf, khusus dalam industri pertanian. Selepas kejayaan Program Hijrah Asnaf Ruminan di Kuala Nerus sebelum ini, sekali lagi kami bekerjasama dengan LZNK dan SPSB sebagai rakan strategik Agrobank.

"Pada masa kini seramai hampir 100 asnaf berjaya dibimbing di bawah Program Hijrah Asnaf. Alhamdulillah hari ini (kelmarin), 10 peserta sudah tamat kursus tanaman sayuran berdaun menggunakan kaedah Hidropo-



Zakaria memuai hasil tanaman pada Program Hijrah Asnaf Tanaman Fertigasi Agrobank Ladang Sosial Sulaiman Plantation di Kuala Ketil sambil diperlihatkan Aminuddin (kiri).
(Foto Syaharim Abidin/BH)

nik. Sejak Februari lalu, Agrobank dan LZNK menyalurkan modal sebanyak RM242,000 secara keseluruhan.

"Kita juga yakin peserta ini akan dapat menjadi mentor kepada peserta lain menerusi program yang kita anjurkan selepas ini," katanya ketika ditemui selepas majlis program berkenaan di Kampung Beka, Merbau Pulas, Kuala Ketil di sini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif LZNK, Datuk Zakaria Othman.

Aminuddin berkata, sebelum ini, purata keuntungan bersih hasil jualan setiap peserta pada pusingan pertama berjaya memecah RM1,200 sebulan dan di yakini mereka boleh mencapai pendapatan RM5,000 hingga RM10,000 selepas melakukan secara sepenuh masa selepas ini.

Katanya, selain menarik taraf ekonomi golongan asnaf, usaha itu juga akan dapat membantu kerajaan dalam mengukuhkan kesejahteraan makanan dalam negara.

Pemantauan menyeluruh

Program keusahawanan yang bersifat dinamik ini turut mendapat bimbingan teknikal dengan pemantauan menyeluruh

daripada jurulatih perniagaan bertauliah di Agrobank Centre of Excellence (ACE) dalam mencaip objektif program yang telah ditetapkan oleh Agrobank.

Sementara itu, seorang peserta Muhammad Amin Shafiee Abdullah, 28, berkata dia bersyukur dan berterima kasih kepada Agrobank dan LZNK kerana memberi peluang kepadanya menyertai program itu.

Katanya, menerusi program itu dia bukan sahaja diajar mengenai cara tanaman tanpa mencium tanah, tetapi turut diajar mengenai pengurusan kewangan dan pemasaran.

"Saya sangat berminat dalam bidang pertanian, tetapi tiada modal, Alhamdulillah selepas ini saya akan dapat mulakan tanaman sayur-sawi ini di tempat saya sendiri di Kampung Malau, Jitra.

"Bagi peserta, kami anggap ini sebagai durian runtuh kerana ia akan mengubah kehidupan saya sekeluarga, sebelum ini arwah ayah saya menyara keluarga dengan menoreh getah," kata anak keempat daripada lima beradik ini.

Muhammad Amin berkata, dia tidak akan menstiasikan segala tunjuk ajar yang diperolehi di Sulaiman Plantation dan berharap lebih ramai anak muda akan berminat dalam bidang pertanian kerana hasilnya sangat lumayan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/9/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Penduduk, peniaga sukar peroleh bekalan telur di pasaran Kelantan

KOTA BHARU: Penduduk dan peniaga di beberapa kawasan negeri ini resah selepas mereka mendakwa sukar mendapatkan bekalan telur di pasaran.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di pasar raya dan kedai runcit di beberapa jajahan mendapati, rak jualan telur kosong selain pusat pemborong 'diserbu' peniaga termasuk orang ramai untuk mendapatkan bahan mentah itu.

Seorang peniaga kedai runcit di Tumpat, Mohd. Azli Ayob, 36,

mengakui sejak seminggu lalu dia berdepan dengan kesukaran untuk mendapatkan bekalan bahan mentah itu selepas pertubus di pasaran.

Menurutnya, ekoran itu, dia terpaksa ke Kota Bharu untuk mendapatkan bekalan, namun, menemui jalan buntu apabila bahan mentah itu tiada di pasaran.

"Setiap hari, saya perlukan 20 papan telur untuk dijual kepada penduduk setempat, namun,

bahan mentah itu sukar untuk dibeli.

"Secara tidak langsung situasi itu menyebabkan pelanggan yang datang ke kedai runcit terpaksa pulang dengan penuh hampa," katanya.

Bagi peniaga roti canai, Zaidin Mat Yazid, 44, kebanyakkan telur yang dijual di pasar raya ketika ini dari jenis Omega.

Katanya, sebagai peniaga kecil harga telur Omega terlalu mahal untuk dibeli sekali gus

menyebabkan kos pengeluaran makin bertambah.

"Nak beli seapan pun payah, apatah lagi dalam kuantiti yang banyak ketika ini.

"Disebabkan itu, saya terpaksa keluar masuk banyak kedai bagi mendapatkan bahan mentah itu," ujarnya.

Sementara itu, Persatuan Pengusaha Restoran Melayu Kelantan (Permeka) turut terkesan dengan ketiadaan bahan mentah tersebut.

Pengerusinya, Nik Hassan Mohd. Zain berkata, sejak akhir-akhir ini, mereka terpaksa mencari sendiri selepas pihak pembekal tidak mampu menampung permintaan.

Menurutnya, masalah itu menyebabkan mereka terpaksa mengeluarkan belanja lebih untuk mendapatkan bekalan tersebut.

"Kalau ada, ia terhad. Kami tidak memperoleh stok sebagaimana yang dikehendaki," katanya.

Oleh INTAN SUHANA
CHE OMAR
intan.suhana@mediamula.com.my

PENINGKATAN kos sara hidup ketika ini, mendorong ramai orang mencari alternatif bagi mengurangkan perbelanjaan terutamanya belanja dapur. Ramai yang mula berjinak-jinak bercucuk-tanam sayur-sayuran sendiri di rumah bagi mengurangkan perbelanjaan keperluan harian.

Tidak terkecuali Guru Pendidikan Khas, Siti Khadijah Basarai@Basri, 32, yang menanam sayur-sayuran di halaman rumahnya.

Katanya, minat menanam sayur itu turut timbul selepas melihat emaknya menanam sayur di kampung.

"Daripada situ minat menanam timbul dan menjadikan ia sebagai hobi.

"Saya kira hobi berkebun ini dapat menjimatkan perbelanjaan kos harian. Yalah nak guna sikit saja, jadi tidak perlu membazir beli di kedai. Petik dalam pasu tepi rumah saja," katanya yang mengajar di Sekolah Kebangsaan Fleda Mempaga 2, Pahang.

Amalan bercucuk tanam itu dilakukan sejak dua tahun lalu ketika negara sedang diserang pandemik Covid-19.

Berkongsikan tips memperoleh sayur-sayuran yang segar, katanya dia menggunakan medium tanah hitam atau sawit yang dibeli

Campuran najis arnab suburkan tanaman



POKOK kubis perlu disiram dengan kerap untuk mendapat hasil yang subur.

dengan orang kampung.

Tidak membazir, dia juga turut menggunakan najis arnab dalam campuran tanah untuk mendapatkan hasil tanaman yang subur.

"Saya campur tanah hitam dengan tanah kuning dan

najis arnab. Gaul sehati semua dan biarkan seminggu.

"Tujuan saya biarkan seminggu sebab tinja arnab panas, kena biarkan lama dulu baru masukkan dalam pasu. Sudah cukup seminggu baru saya masukkan dalam pasu atau polibeg dan tanam pokok yang sudah disemai," katanya.

Beliau yang mempunyai arnab belaan, menggunakan bancuhan baja AB jenis cecair yang dicurahkan pada pokok seminggu sekali.

"Tidak perlu banyak sangat siram, cukup sekadar separuh cawan untuk satu pokok.

"Akhir sekali sembur cuka kayu seminggu sekali pada pukul enam petang supaya daun tidak dimakan serangga perosak," katanya yang turut dibantu suami daripada aspek



SITI KHADIJAH
BASARAI@BASRI

"Saya campur tanah hitam dengan tanah kuning dan najis arnab. Gaul sehati semua dan biarkan seminggu."

bancuhan baja. Antara tanaman menghiasi laman kediamannya ialah pokok daun sup, pak choy, kubis, daun kesum, cili, bawang besar dan tomato.



POKOK daun sup antara herba yang menjadi keperluan di setiap dapur.

TIPS PENANAMAN

DAUN SUP

» Guna keratan batang yang dibeli di kedai. Potong sejengkal dan cucuk dalam tanah. Letak di tempat teduh dan jangan siram hari-hari bagi mengelakkan batang busuk. Apabila nampak tanah kering, siram renjis-renjis tanpa terkena batang pokok.

PAK CHOY

» Semai benih dan apabila tumbuh daun empat helai tukar medium penanaman. Asingkan satu-satu pokok masuk pasu untuk membolehkan pokok membesar dengan sihat.

KUBIS

» Semai seperti biasa. Apabila tumbuh daun empat helai terus tukar masuk dalam pasu. Perlu disiram selalu.

DAUN KESUM

» Potong keratan batang daripada pokok asal dan rendam dalam air sehingga tumbuh akar. Lebih senang campak sahaja dalam besen biar tenggelam keratan sehingga nampak akar tumbuh. Cucuk masuk pasu. Siram selalu. Biasanya, selepas tiga hari dicucuk baru pokok akan kelihatan segar.

CILI

» Semai sampai pokok naik sehingga, baru pindahkan ke pasu.

BAWANG BESAR

» Potong sedikit bawang besar dibahagian atas dan potong sedikit akar supaya akar baharu dapat tumbuh. Perlu rajin siram. Timbus dengan tanah separuh sahaja. Bila sudah tumbuh tunas baru tutup keseluruhan bawang dengan tanah.

TOMATO

» Semai sampai keluar daun dan tinggi sejengkal, kemudian pindah pasu. Rajinkan timbus tanah sebab akar baharu akan terjolok pada permukaan tanah. Siram sehari tiga kali kerana pokok tomato cepat layu.

FARMERS NOT ENJOYING HIGH PRICES

Time to fix lopsided rice industry

RICE is a staple food for many. In Kelantan, we just cannot live without at least one rice meal a day. The state is known for its many rice specialities, such as nasi dagang, nasi kerabu, nasi berolak, and more.

It was no surprise that the recent hike in world rice prices caused a stir in Kelantan. Changing global weather patterns, attributed to the climate crisis, has wreaked havoc on rice harvests.

Inadequate rain or rainfall arriving at the wrong time has created a major upset among rice growers. Yields in many of the major producer countries have been badly affected.

The reduced harvests have forced many major rice producing nations to cut exports, including India, the world's largest exporter of white rice. Their priority is domestic needs.

Since world demand is high, the inevitable result is the rise in prices to a level that affects affordability, especially for the poor. As a net importer of rice, we will feel the effects of the crisis.

It has been reported that rice prices surged to their highest in



**DR AHMAD
IBRAHIM**

almost 12 years. The Food and Agriculture Organisation All Rice Price Index for July rose 2.8 per cent to 1297 points. The figure is up 19.7 per cent compared with a year ago, and the highest nominal value since September 2011.

The sharpest increase in price came from Thailand. The report stated that concerns over the potential impacts of El Nino on production among some suppliers further underpinned price hikes, as did rain-induced interruptions and quality variability in Vietnam's ongoing summer-autumn harvest.

El Nino is a climate phenomenon marked by extreme temperatures and weather conditions that could interrupt lives and livelihoods.

India's ban on exports of non-basmati white rice on July 20 came as the government seeks to cap soaring food prices at home, and ensure enough affordable supplies domestically. The country accounts for more than 40 per cent of the global rice trade.

Even if it affects a portion of India's overall rice shipments, FAO noted that India's export restriction raises substantial food security concerns for a large swathe of the world population. El Nino could further exacerbate risks on global production.

Thailand, the world's second largest exporter of rice, is now encouraging farmers to plant less of the crop in a bid to save water as a result of low rainfall. The irony of it all is that most rice farmers are poor.

The high world price does not trickle down much to them. Such economic gains mainly go to the processors and the people involved in logistics. It is a real dilemma.

Experts watching such a dichotomy have long proposed the need to structurally reform the sector. Much of these warnings have fallen on deaf ears.



Padi seedlings at a farm in Selangor. Low-quality planting materials are among the reasons for Malaysia's poor rice yields. PIC BY ASTRA/HAMZAH

One suggestion is rice farmers form cooperatives and undertake the milling and marketing themselves. In this age of e-commerce, that is not impossible. Despite many years of research and development to improve rice yields, Malaysia's national average harvest remains low and stagnating.

There are many reasons for this. One is the low-quality planting materials used by farmers. The supply of high-quality planting materials has not been properly supervised.

Next, the fertilisation of the crops has been largely compromised. The common explanation is that the government-subsidised fertilisers have not been properly applied. There have been claims of fertilisers being sold on the black market.

Farmers have also complained of poor irrigation infrastructure. Many blame the poor adoption of

the latest technology for the low yields.

It is time to address this supply chain deficiency. We cannot forever blame the climate. Adaptation measures must be developed to help farmers cope with climate-related problems.

More importantly, there should be serious study on the compensation received at each level of the value chain. There should be structural reform to put in place a more equitable distribution of the returns.

Now, it is lopsided. Processors, distributors and marketers are better compensated than farmers. We must not forget that farmers form the most critical part of the value chain. No farmers, no rice industry.

The writer is a professor at the Tan Sri Omar Centre for STI Policy, UCISL University